

9.2.1 KATA KERJA AKTIF TAK TRANSITIF [ktrr] DAN TRANSITIF [ktr]

PUNCA-PUNCA OBESITI

Lengkapkan petak yang disediakan dengan kata kerja aktif tak transitif [ktrr] atau kata kerja aktif transitif [ktr].

Berdasarkan statistik, kira-kira 15 peratus daripada kanak-kanak di Malaysia **alam** masalah **obesiti**. Hal ini **mungkin** **negara kita** akan mempunyai pertambahan penduduk yang **alam** **obesiti** pada masa akan datang. Pelbagai punca didapati **sumbang** **kepada** masalah **obesiti** dalam kalangan kanak-kanak.



Kata Dasar	ktrr/ktr	Kata Kerja Aktif
alam	ktr (meN-...-i)	mengalami
mungkin	ktr (meN-...-kan)	memungkinkan
alam	ktr (meN-...-i)	mengalami
sumbang	ktrr (meN-...)	menyumbang

ksn --> x objek

Obesiti **akibat** daripada pemakanan yang tidak seimbang. Sesetengah ibu bapa gemar **bawa** **anak-anak** mereka **nikmat** **makanan** segera yang kebanyakannya banyak **kandung lemak dan kolesterol**. Kesibukan **kerja** **had** masa seseorang ibu untuk **sedia** **makanan**, apatah lagi makanan seimbang untuk keluarga. Hal ini **tingkat** **berat badan** **kanak-kanak** sekiranya diamalkan secara berterusan.

Kata Dasar	ktrr/ktr	Kata Kerja Aktif
akibat	ktrr (beR-...)	berakibat (=berpunca)
bawa	ktr (meN-..)	membawa
nikmat	ktr (meN-...-i)	menikmati (=merasai)
kandung	ktr (meN-...-i)	mengandungi
kerja	ktrr (be-...)	bekerja (*berkerja)
had	ktr (meN-...-kan)	menge.had.kan
sedia	ktr (meN-...-kan)	menyediakan
tingkat	ktr (meN-...-kan)	meningkatkan

Kebanyakan kanak-kanak kini kurang **makan sayur-sayuran dan buah-buahan** yang dapat **kembali tenaga dan kekuatan** dalam tubuh badan mereka. Cara pengambilan makanan dalam jumlah yang terlalu banyak dan terlalu kerap juga **sebab seseorang kanak-kanak itu alam** **pertambahan berat badan** macam ular kekenyangan.



Kata Dasar	ktrr/ktr	Kata Kerja Aktif
makan	ktr (meN-...)	memakan / makan
kembali	ktr (meN-...-kan)	mengembalikan
sebab	ktr (meN-...-kan)	menyebabkan
alam	ktr (meN-...-i)	mengalami



Gaya hidup kanak-kanak masa ini yang tidak banyak **laku pergerakan** sehari-harian turut **sumbang kepada** pertambahan berat badan. Mereka yang gemar **main permainan video dan komputer, layar Internet, dan tonton televisyen** terlalu asyik dengan aktiviti tersebut sehinggakan tiada masa untuk **sukan** atau **senam**. Keadaan ini **sebab** peluh tidak dikeluarkan daripada tubuh mereka dan seterusnya berat badan **tambah**.

Kata Dasar	ktrr/ktr	Kata Kerja Aktif
laku	ktr (meN-...-kan)	melakukan
sumbang	ktrr (meN-...)	menyumbang
main	ktr (meN-...-kan)	memainkan
layar	ktr (meN-...-i)	melayari
tonton	ktr (meN-...)	menonton
sukan	ktrr (ber-..)	bersukan
senam	ktrr (ber-...)	bersenam
tambah	ktrr (ber-...)	bertambah

Tuntasnya, pelbagai pihak perlu **titik berat** **kesihatan kanak-kanak obesiti** kerana mereka **risiko tinggi** untuk **hidap** **penyakit kronik**. Kata orang, darah baru setampuk pinang sudah dijangkiti pelbagai penyakit, justeru mereka haruslah diberi pendidikan tentang cara-cara bijak **pilih makanan** dan aktif dalam kegiatan sukan.

Kata Dasar	ktrr/ktr	Kata Kerja Aktif
titik berat	ktr (meN-...-kan)	menitikberatkan
risiko	ktrr (ber-...)	berisiko
hidap	ktr (meN-...)	menghidap (*menghidapi)
pilih	ktr (meN...)	memilih

9.2.2 KEMAHIRAN MEMBINA AYAT

1. **memungkinkan**

Morfologi (Golongan Kata)	Semantik (Makna)
ktr --> objek	menyebabkan/menjadikan mungkin
Sintaksis (Ayat)	
Subjek: Kekurangan kasih sayang ibu bapa Predikat: mungkin anak-anak jebak dalam gejala sosial Ayat Aktif Transitif: Kekurangan kasih sayang ibu bapa memungkinkan anak-anak terjebak dalam gejala sosial.	

2. **berakibat**

Morfologi (Golongan Kata)	Semantik (Makna)
ktrr	berpunca
Sintaksis (Ayat)	
Subjek: Masalah obesiti Keterangan subjek: – kalangan remaja Keterangan subjek: mutakhir ini Predikat: akibat daripada pengabaian gaya hidup sihat Ayat Aktif Tak Transitif: Masalah obesiti dalam kalangan remaja berakibat daripada pengabaian gaya hidup sihat...	

3.

menikmati

Morfologi (Golongan Kata)	Semantik (Makna)
ktr	merasai
Sintaksis (Ayat)	
<p>Subjek: Remaja Predikat: cenderung <i>nikmat</i> makanan segera ala Barat Keterangan predikat: burger dan hotdog Subjek: Remaja Predikat: <i>alam</i> penambahan berat badan Klausa keterangan perbandingan: ular kekenyangan</p>	
<p>Ayat Aktif Transitif: Remaja cenderung menikmati makanan segera ala Barat seperti burger dan hotdog sehingga mengalami penambahan berat badan bagai/umpama/seperti ular kekenyangan.</p>	

4.

melayari

Morfologi (Golongan Kata)	Semantik (Makna)
ktr	mencari dan mendapatkan maklumat, data dsb dlm Internet.
Sintaksis (Ayat)	
<p>Subjek: Remaja Predikat: leka <i>layar</i> Internet Subjek: Remaja Predikat: leka melayan media sosial Klausa keterangan akibat: <i>abai</i> tanggungjawab mereka – <i>telaah</i> pelajaran</p>	
<p>Ayat Aktif Transitif: Remaja leka melayari Internet dan melayan media sosial sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka, iaitu menelaah pelajaran.</p>	

5.

menitikberatkan


Morfologi (Golongan Kata)	Semantik (Makna)
ktr	mementingkan/mengutamakan
Sintaksis (Ayat)	
<p>Subjek: Ibu bapa Predikat: <i>titik berat</i> kesihatan kanak-kanak obesiti Klausa keterangan akibat: mereka <i>risiko</i> tinggi untuk <i>hidap</i> penyakit kronik – diabetes</p>	
<p>Ayat Aktif Transitif: Ibu bapa perlu menitikberatkan kesihatan kanak-kanak obesiti kerana mereka berisiko tinggi untuk menghidap penyakit kronik terutamanya diabetes.</p>	

9.2.3 PENULISAN KARANGAN


Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **punca-punca obesiti dalam kalangan kanak-kanak**. Panjang huraian hendaklah **50 hingga 80** patah perkataan.



Menggemari makanan segera



Kurang makan sayur dan buah-buahan



Kurang beriadah / bersenam

<p>Pendahuluan Tajuk + Fokus</p>	<p>Masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak disebabkan oleh beberapa faktor.</p>
<p>Idea 1 Isi + Huraian</p>	<p>Antara faktornya/puncunya ialah kanak-kanak menggemari mak</p>
<p>Idea 2 Isi + Huraian</p>	
<p>Idea 3 Isi + Huraian</p>	
<p>Penutup Cadangan + Harapan</p>	

9.2.4 PEMAHAMAN

Pada suatu hari, ketika yang empunya padi sedang sibuk ke sana dan ke mari menghalau burung-burung yang memakan tanamannya, dengan cepat-cepat anak yatim piatu itu mengambil segenggam padi yang dijemur. Dimasukkan padi itu ke dalam mulutnya, lalu dia pun melompat dan lari dengan sekencang-kencangnya menuju ke liang tempat dia mula-mula masuk ke kayangan bersama-sama dengan tujuh orang gadis kayangan yang diikutinya beberapa hari yang lalu. Setelah yang empunya kembali daripada menghalau burung-burung itu maka didapatinya bekas tangan anak yatim itu pada tompokan padi yang sedang dijemurnya. Dia pun segera mengerti bahawa padinya ada yang dicuri oleh anak yatim piatu itu.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan simpulan bahasa **mencari akal**?
 - A. Mencari jalan untuk mencuri.
 - B. Menemui cara untuk berjaya.
 - C. Berfikir perihal perkara yang baik.
 - D. Berikhtiar menyelesaikan sesuatu perkara.

10. Selepas makan, apakah yang difikirkan oleh anak yatim piatu itu?
 - A. Bersetuju akan kelazatan makanan yang dimakannya.
 - B. Memikirkan perkara yang perlu dibincangkan dengan pemilik padi.
 - C. Berusaha hendak mengambil tanaman itu secara paksa.
 - D. Berfikir untuk mengambil tanaman itu pada waktu malam.

11. Bagaimanakah cara yang ingin dilakukan oleh anak yatim piatu itu untuk membawa tanaman itu ke bumi?
 - A. Makan padi itu.
 - B. Memasukkan padi ke dalam karung.
 - C. Memasukkan padi di dalam mulutnya.
 - D. Meminta dengan baik kepada empunya padi.

12. Apakah teknik plot yang digunakan dalam petikan tersebut? Akan tetapi dia tidak mempunyai tempat untuk membawa tanaman ajaib itu tanpa diketahui oleh sesiapa pun...

A. Dialog	C. Pemerian
B. Imbas muka	D. Monolog

13. Apakah tema prosa tradisional "Asal Padi" ini?
 - A. Kehidupan di kayangan.
 - B. Kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah.
 - C. Tanggungjawab membela nasib orang miskin.
 - D. Kepatuhan kepada perintah ketua.

14. Apakah gaya bahasa yang terdapat dalam ayat tersebut?

... dapat merasakan **betapa** lazatnya dan **betapa** besar faedahnya makanan yang disangkanya emas itu. Setelah anak yatim itu selesai makan, maka barulah dia percaya bahawa makanan yang aneh itu sungguh lazat.

A. Repetisi	C. Peribahasa
B. Simile	D. Personifikasi

15. Bilakah anak yatim piatu itu mula bertindak untuk mencuri padi di tempat itu?

Semasa orang yang empunya padi sedang ...

 - A. menuai padinya.
 - B. memberikan makanan kepada burung.
 - C. bekerja di kawasan tanaman padinya.
 - D. sibuk menghalau burung-burung.

16. Apakah perkara yang tidak patut dicontohi dalam petikan prosa tradisional tersebut?

.....

.....

.....

 - i. Jelaskan akibat perbuatan tersebut terhadap individu dan masyarakat.

.....

.....

.....

.....
 - ii. Nyatakan langkah untuk mengatasi perbuatan tersebut.

.....

.....

.....

.....

17. Pada pendapat anda, apakah tindakan yang akan anda lakukan jika anda menghadapi masalah yang sama dengan anak yatim tersebut?

.....

.....

.....

.....